

## Bahasa dan Hegemoni dalam Sains Sosial

JOÃO DE PINA CABRAL

Teks pendek ini yang memperkatakan masalah hubungan antara bahasa saintifik dan hegemoni sejagat di bidang sains sosial adalah untuk menambah beberapa cadangan strategik bagi membantu mencapai perbincangan yang terbaik untuk membaik; kedudukan komuniti saintifik seperti yang dihadapi Portugis dalam arus kesejagatannya sekarang.

Memandangkan hegemoni intelektual berlaku selepas keruntuhan Tembuk Berlin dengan komuniti saintifiknya mempunyai pengaruh alternatif dalam tempoh Perang Dingin bersama-sama orang British atau Perancis, dengan pemusatan relatif kebudayaan serta ketahanan kemerdekaan mereka telah menghilang dengan sangat cepat dan luar biasa, maka telah mendesak kami untuk mengetahui hanya wujud empat komuniti linguistik<sup>1</sup> di peringkat sejagat, sementara ahli sains sosial yang mengucapkan diri mereka dalam bahasa lain yang berpengaruh (secara kuantitatif dan kualitatif) dan bukannya *lingua franca* antarabangsa iaitu bahasa Perancis, Sepanyol, Jerman dan Portugis. Adalah dianggarkan komuniti Rusofon dan Sinofon masih akan bertahan sekurang-kurangnya satu dekad lagi untuk membina semula diri mereka setelah kehilangan pemusatan yang sangat serius, ekoran runtuhnya model Marxis-Leninis.

Dalam keempat-empat komuniti itu, bahasa Portugis secara kebetulan adalah yang terbesar dari segi perangkaannya setelah mengira kuantiti ahli sains sosial di Brazil dan kelincuhan komuniti saintifik di kalangan Portugis pada masa kini. Dua buah negara yang besar di Afrika (Angola dan Mozambique) dan sekurang-kurangnya sebuah negara di Asia (Timor) yang menggunakan bahasa Portugis akan memberi sumbangan dengan lebih besar kepada perkembangan pemikiran saintifik sosial di kalangan Portugis tentang suatu perspektif masa depan yang bersifat global.

Komuniti Francofon - yang walaupun semakin kurang dari segi kuantitatifnya – masih dapat mengekalkan peranan saintifiknya yang cukup penting, maka secara amnya berkaitan dengan sejarah sumbangannya dalam pembentukan intelektual pemodenan (pada zaman silamnya). Komuniti Hispanofon mempunyai beberapa kemuncak, maka adalah luas dari segi kuantitatifnya, tetapi tidak mempunyai kelincuhan dan kuantiti kerja yang diperlukan untuk mengekalkan komuniti Lusofon atau hak istimewa komuniti Francofon sejak masa lalu. Sementara itu, komuniti bahasa Jerman sedang bergolak dalam proses pembinaan semulanya (hanya selepas keruntuhan Tembuk Berlin ia baru mempunyai kemungkinan untuk membebaskan diri daripada warisan intelektual yang kuat dari awal abad ke-20 – tidak kira Marxis atau Romantis) dan hanya dalam beberapa

tahun lagi baru kita boleh menilai kemampuannya dalam pengesahan antarabangsa.

Memandangkan kedudukannya itu dapatlah kita jangkakan bahasa Inggeris akan terus menjadi *lingua franca* untuk suatu tempoh yang panjang. Oleh sebab itu, semua ahli sains sosial yang ingin meninggalkan impak yang berkekalan dalam disiplin ilmu masing-masing wajib setidak-tidaknya menjadi penerima *lingua franca*. Sehubungan itu, memanglah masuk akal kita untuk memikirkan kewujudan komuniti saintifik yang mengucapkan diri mereka dalam bahasa yang lain itu untuk menjadi sangat tidak penting nanti. Penilaian seumpama itu walaupun adalah terlalu mudah dari segi sosiologi, kerana tidak mempertimbangkan fakta komuniti linguistik itu berfungsi sebagai pembina hegemoni<sup>2</sup> saintifik yang sederhana yang boleh dicapai, iaitu seperti sarana transmisi kecenderungan kaedah dan teori, maka tidak sesuai dengan yang diamalkan dalam *lingua franca* itu yang mempunyai sedikit sebanyak autonomi. Oleh itu, adalah wajar untuk dibincangkan komuniti linguistik itu sebagai ruangan autonomi relatif dengan hasil perbincangan yang sangat kuat menentang hegemoni yang paling menyeluruh itu.

Masalah utama yang dihadapi sains sosial bahasa Portugis hari ini adalah mewujudkan keadaan supaya hasil kerjanya menjadi penting, iaitu, mempunyai kemampuan untuk terus hidup, sementara dapat memberi sumbangan penting kepada perdebatan pada masa depan. Secara singkat, saya namakan kualiti ini sebagai “futuriti”<sup>3</sup> [Penulis menggunakan istilah “*futuridade*” seperti istilah “*futurity*” dalam Bahasa Inggeris yang bermaksud masa depan atau keakanan: penterjemah]. Pentingnya masa depan sumbangan kita (futuriti karya kita) itu tidak boleh dilihat hanya dalam istilah sejagat. Ia harus dilihat pertamanya dalam istilah tempatan. Namun, kedua-duanya saling berkaitan dengan fungsi proses automatik penyenyapan<sup>4</sup> yang menjadi ciri semulajadi proses pembentukan hegemoni sains dan intelek. Apa yang ingin saya sampaikan dengan istilah praktikal ini adalah pelajar kita sendiri tidak akan mempunyai sebab untuk menganggap apa yang kita tulis itu sebagai yang relevan jika apa yang telah kita tulis itu tidak mempunyai kemampuan pengesahan untuk menghadapi hegemoni yang paling menyeluruh.

Tragedi di kalangan komuniti saintifik pinggir adalah tragedi penyenyapan terhadap diri mereka sendiri. Dengan mudahnya kita berkali-kali mempersalahkan rakan sekerja Anglofon kita atas penyenyapan karya kita (kita mengeluh dengan mengatakan mereka tidak memetik karya kita). Rakan Anglofon kita sebenarnya suka sekali mengatakan diri mereka kepada auto-kritikan ini dan juga merasa kasihan pada diri sendiri kerana “tidak mempunyai bakat untuk bahasa lain”. Namun, pengisytiharan mereka yang menyalahkan diri sendiri ini bukan sahaja kabur, bahkan dicurigai, sebab ia hanya untuk mengatakan kepada mereka secara refleksif, agensi penyenyapan terhadap yang lain. Yang sebenarnya bukanlah rakan-rakan Anglofon kita yang bertanggung jawab utama ke atas kekurangan futuriti kerja yang kita lakukan di pinggir.

Mari kita mengkaji diri sendiri - saintis sosial bahasa Portugis hari ini, secara berasingan dan jujur. Jarang sekali kita memperuntukkan kepentingan kepada ahli-ahli sains sosial Portugis yang mendahului kita (dalam kes Brazil sekalipun terdapat kurang kelalaian dari segi kanun serantau jika berbanding dengan kes Portugis); kita jarang sekali berdialog sesama sendiri secara terbuka, jujur dan tajam (sekali lagi, Brazil telah berjaya mengatasi sebahagian tanda kelemahan ini). Pelajar kita tidak menganggap “menarik”<sup>5</sup> untuk menyebut hasil karya kita dalam projek-projek mereka mahupun dalam nota kaki. Pelajar kepada pelajar kita akan melakukan perkara yang sama ke atas guru mereka (saya sendiri sudah mempunyai peluang untuk mengesahkan kebingungan yang menyebabkan rakan-rakan kita yang lebih muda sekalipun dalam karya mereka. Mereka selalu menjadi pendiam utama kepada rakan-rakan mereka yang lebih kanan).

Ahli-ahli antropologi kewanitaan yang agung dari tahun lapan puluhan banyak kali menyatakan bahawa ibu mertua seperti kaum suami sekurang-kurangnya sama bertanggungjawab ke atas penindasan wanita di rumah tangga. Kita juga mendapati penyenyapan yang berlaku dalam karya-karya kita itu telah mengubah kita menjadi ahli sains yang tidak penting lagi pada masa depan itu adalah produk daripada pelajar kita sendiri - produk daripada diri kita sendiri semasa kita masih muda.

Boleh dikatakan sekarang perkara ini hanya berkemungkinan untuk mengatasi kekurangan futuriti jika ia diterbitkan dan disebut dalam indeks ISI! Seperti umpan, ia hanya akan memperdayakan sesiapa juga yang ingin diperdayakan. Terdapat batas yang sangat jelas untuk membina semula futuriti di kalangan saintis sosial di luar lingkaran keunggulan global. Ini akan selalu dihubungkan seperti tali pusat ke pusat kekuasaan hegemonik. Pengertian lain itu sukar difahami. Futuriti kegiatan saintifik bukan satu-satunya yang boleh diukur dengan adanya dampak “objektif” tentang pengetahuan, dan bukannya dalam soal teori atau soal teknologi. Adalah tidak mencukupi dengan “nenemui” suatu yang penting untuk memenangi Hadiah Nobel dan menghasilkan paten yang bernilai berjuta-juta [dollar] atau bergiat di bidang sains sosial untuk tujuan lain yang lebih agung lagi. Kegiatan ilmiah dan saya minta agar tidak mentafsirkan kedudukan pensejarahan ini sebagai pernyataan anti-saintifik. Kedua-duanya bertentangan untuk sesiapa sahaja yang dalam kedudukan yang mudah. Kesemua itu adalah suatu kegiatan sosial, maka terpendam dalam semua skema pengeluaran semula yang terjadi kerana wujudnya hegemoni - kekuatan ketenteraan, politik, ekonomi serta kuasa budaya, intelektual dan saintifik yang saling melintang.

Saya sendiri telah mengesahkan selain terlibat dalam perbincangan dengan rakan-rakan sekerja di Brazil yang lebih kanan yang boleh mengesahkan pendapat bahawa adalah tidak mencukupi dengan sekadar menerbitkan karya yang dianggap bernilai dalam bahasa Inggeris bagi menjamin futuriti tentang apa yang kita terbitkan. Cepat lambat akan menunjukkan bahawa hal yang rakan-rakan kita petik (oleh kerana itu, mempunyai futuriti) itu kurang berkaitan dengan apa yang ditulis. Sebaliknya ia akan menjadi lebih sesuai dengan ke’untungan

yang mereka sendiri boleh dapat daripadanya. Saya gunakan istilah 'untung' dalam tanda baca agar [pembaca] dapat menyedari saya bukan bercakap tentang keuntungan apa-apa dari segi kewangan (meskipun aspek ini jelas kelihatan), tetapi tentang kepentingan lain yang lebih luas, meliputi aspek-aspek alam semulajadi yang estetikanya tidak nyata kelihatan. Misalnya, adalah lebih mengasyikkan (chic) untuk memetik Foucault (kerana Foucault adalah fesyen Amerika kerana dia tidak ada hubungan apa juga dengan francofilia) berbanding dengan menyebut Thales de Azevedo<sup>6</sup>, walaupun yang dimaksudkan itu mempunyai kaitan lebih dengan karya unggul [Thales de Azevedo] ini— yang sebenarnya, ramai daripada kita hanya abaikan.

Memanglah benar untuk saya dan rakan sekerja di Brazil mempunyai kerjaya yang sudah lama ditandai penerbitan dalam jurnal dan penerbitan Anglofon. Kita telah mengamati secara empiris "ibukota ilmiah berprestij" kita itu tidak mempunyai daya penghimpunan yang sama seperti rakan-rakan Amerika kita dengan karya mereka, yang kadang-kadang mendapat sambutan yang kurang baik kerana diterbitkan dalam jurnal yang kurang berprestij berbanding dengan kita. Dua puluh atau tiga puluh tahun selepas mulanya kerjaya kita terus dilayan seperti pemula. Esei-esei yang kita hantar kepada jurnal yang editornya itu adalah pelajar kepada rakan sekerja kita di Paris, Oxford, Berkeley atau New York, diterima dan diwasit oleh penilai seolah-olah karya kita adalah karya daripada muka baru.

Ahli falsafah J.A. Giannotti, murid Sartre, rakan intelek kepada Florestan Fernandes, Fernando Henrique Cardoso dan ramai lagi tokoh-tokoh yang terkemuka dari cendekiawan paulista [Paulista berasal dari São Paulo, Brazil: penterjemah] mempunyai banyak karyanya telah diterbitkan dalam bahasa Perancis dan Inggeris (selain karya falsafahnya yang sangat penting yang telah diterbitkan dalam bahasa Portugis) itu menyatakan kepada saya bahawa, berdepan dengan penyenyapan luaran, beliau dan rakan-rakannya perlu melakukan pemilihan kerjaya: 'Pilihan kita adalah menjadi ahli falsafah perbandaran'. Frasa ini telah diucapkan dalam nada ironik, maka telah membuat aku sangat diprovokasi<sup>7</sup>, seperti kata orang di sebelah sana. Kita perlu mempertimbangkan perbandaran tempat beliau tinggal itu mempunyai empat belas juta orang dan negara yang saya tinggal ini mempunyai sembilan juta orang. Bilangan ini tanpa mengira golongan umum yang buta huruf!

Secara ringkas, sekiranya pertimbangan tadi itu sah, maka pembentukan ruangan perantaraan hegemoni intelektual sangat penting untuk reproduksi komuniti saintifik yang berasal dari negara-negara yang kurang penting. Kewujudan ruangan seperti itu akan membolehkan pembinaan hegemoni tempatan yang bila sampai gilirannya akan membentuk tiang perundingan yang kuat untuk berkonfrontasi dengan hegemoni global. Jika kita mampu mempertahankan futuriti karya-karya kita di peringkat komuniti linguistik bukan Anglofon, tabir penyenyapan itu tidak akan berlabuh ke atas kita dengan mudah di peringkat global - ia akan berlabuh, ya, tetapi kurang dan itulah perbezaannya.

Kita harus menghasilkan karya ilmiah yang berkualiti tinggi, betul dari segi empiris dan tekal dari segi teori, penuh dengan keserjanaan yang unggul. Namun, itu tidak cukup untuk menjamin masa depan hasil kerja kita. Untuk matlamat itu, kita perlu selalu melalui kerja pembinaan sosial, kerana ilmu pengetahuan adalah kegiatan sosial. Oleh kerana itu, kita harus merealisasikan karya sebegini dalam empat bidang sosial:

- a) Kepersekutuan saintifik (misalnya, kita mempunyai Persatuan Antropologi Brazil (Associacao Brasileira de Anthropologia) dalam bahasa Portugis dengan mesyuarat tetapnya kerap sekali dihadiri ahli antropologi sedunia, selain ahli antropologi dari Persekutuan Antropologikal Amerika (American Anthropological Association);
- b) Penciptaan antar-pengetahuan saintifik melalui realisasi lintangan penyelidikan, dan untuk minat empirik, mewajibkan rujukan timbal balik (kita harus meyakinkan orang Brazil, Perancis dan Sepanyol untuk datang dan membuat kajian di tempat kita dan kita harus pergi ke sana).
- c) Pertukaran pengajar akademik;
- d) Formasi tempatan murid-murid siswazah kita sendiri dengan cara supaya mereka tidak melarikan diri daripada pendidikan yang mereka terima kepada konteks formal pembinaan futuriti.

Kesimpulannya, strategi perkembangan akademik yang harus kita laksanakan di Portugal adalah untuk mengatasi perasaan rendah diri yang mencirikan komuniti saintifik Portugis pasca-25 April<sup>8</sup> yang kesemuanya telah disahkan dengan pernyataan umum “seperti bagaimana mereka lakukannya ‘di luar sana’ “. Masalahnya “di luar sana” itu adalah tempat yang tidak wujud dari satu segi, dan “di atas sana” itu adalah tempat yang hanya boleh kita capai jika kita membebaskan diri kita daripada menjadi Portugis, Brazil, Sepanyol, Mexico, Perancis, Jerman dan lain-lain. Ini adalah kita tidak mampu dan tidak mahu.

Untuk membina futuriti karya kita (tanpa futuriti ini gaji kita umpama pelaburan buruk untuk negara) kita harus masuk ke gelanggang perbincangan hegemonik. Seperti yang telah berlaku dalam kes Portugis, melalui penciptaan jalinan utama dengan komuniti saintifik bahasa kita (masyarakat Brazil) atau dengan komuniti bahasa yang ada dalam keadaan sub-alterniti relatif seperti kita (Sepanyol dan Perancis) dalam keempat-empat komuniti tersebut. Saya meminta supaya kedudukan ini tidak ditafsirkan sebagai hujah menentang *lingua franca* (bahasa Inggeris). Sebaliknya, ia harus dilayan sebagai cadangan strategik dengan tujuan memikirkan keperluan perbincangan penyenyapan dalaman *lingua franca*.

#### NOTA HUJUNG

<sup>1</sup> Di sini, saya sengaja menggunakan ucapan “komuniti” untuk mengaburkan dengan sengaja.

<sup>2</sup> Bagi hegemoni, menurut tradisi Gramscian tanpa menghormati niatnya dengan sepenuhnya (ay. Pina Cabral, *Analisis Sosial*, n. ° 153, 2000, hlm. 865-892), saya

merujuk kepada bentuk-bentuk dominasi yang dirundingkan, oleh sebab itu disampaikan melalui budaya, di mana pihak yang didominasi itu menerima untuk diwakili oleh respon daripada pihak yang mendominasi iaitu keadaan bahawa pihak yang didominasi itu mempertimbangkan ini sebagai pampasan untuk mereka, setidaknya sebahagian, oleh sebab kehilangan kuasa.

<sup>3</sup> Di sini saya mengikut saran Herminio Martin berkaitan dengan konsep “zaman dahulu” (“*preterite*”) yang digunakan beliau dalam karya klasik beliau tentang “*O tempo e a teoria social*” [“masa dan teori sosial”] (ay. *Hegel, Texas e Outros Ensaios de Teoria Social*, 1996 [1974]).

<sup>4</sup> [Penulis menggunakan istilah “*silencionamento*” yang sama seperti “*silencing*” dalam Bahasa Inggeris penterjemah].

<sup>5</sup> Saya takut menyebut “*chic*”, kerana akan dilihat bahawa saya sedang mengkritik mereka kerana sesuatu yang bukan “dosa” individu mereka, tetapi satu syarat umum.

<sup>6</sup> [Profesor Thales de Azevedo merupakan anthropolog yang terkemuka di Brazil tahun 50-an dan 60-an.]

<sup>7</sup> [Ataupun ingin tahu.]

<sup>8</sup> 25 April merupakan hari berlakunya revolusi yang dikenali secara umum sebagai *Carnation Revolution* yang berlaku pada 25 April tahun 1974 untuk menggulingkan rejim diktator penterjemah.

(Sumber asal makalah ini dalam bahasa Portugis dengan tajuk *Lingua E Hegemonia Nas Ciências Sociais* yang telah diterbitkan dalam *Análise Social*. 42:182: (2007): 233-237).

Perterjemah: Tan Raan Hann, MA  
 Institut Kajian Oksidental  
 Universiti Kebangsaan Malaysia  
 43600 UKM Bangi

Emel: ranhan@ukm.my